

Mahu maju ke hadapan? Ketepikanlah mentaliti kelas tiga
The Malay Mail Online
25 June, 2014

22 JUN — 32 tahun yang lalu atau lebih tepat pada 1982, Dasar Pandang Ke Timur telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

Di bawah dasar ini, kerajaan Malaysia akan membuat kajian, penelitian dan pemilihan terhadap teladan-teladan dari Jepun dan Korea dan disesuaikan dengan keadaan semasa di Malaysia.

Pada umumnya, dasar tersebut diperkenalkan bagi meninggikan prestasi pengurusan serta pembangunan negara selain mewujudkan golongan rakyat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai murni dan etika kerja positif ke arah menyumbang kepada kemajuan negara.

Antara aspek-aspek yang menjadi tumpuan di bawah Dasar Pandang Ke Timur termasuklah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara, peningkatan kecekapan dan tahap produktiviti yang tinggi.

Ternyata, dasar murni yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad masih relevan biarpun sudah lebih tiga dekad berlalu.

Walaupun situasi semasa dalam negara sudah berubah, tetapi matlamat akhir dasar ini secara keseluruhannya mengajak rakyat Malaysia untuk keluar daripada takuk pemikiran lama dan melakukan anjakan paradigma.

Yang pasti, kedua-dua buah negara ini telah membuktikan bahawa tahap disiplin, perwatakan serta kematangan mereka dalam membawa diri menjadi kunci kejayaan kepada kemajuan negara masing-masing. Mereka tidak mudah gelabah. Mereka juga tidak mudah melenting apabila berlakunya sesuatu bencana alam atau krisis.

Sebaliknya, mereka menerima keadaan seadanya dan cuba menyelesaikan sesuatu masalah secara tenang lagi rasional. Dalam keadaan yang membabitkan integriti dan maruah, mereka sanggup meletak jawatan dan bertanggungjawab atas kesilapan yang dilakukan.

Masalah kebocoran loji nuklear di Fukushima, Jepun ekoran gempa bumi kuat menjadi saksi terbaik kepada kesantunan rakyat Jepun di mata dunia. Jika pada 2005 di New Orleans, ada dalam kalangan rakyat di sana menjarah barangan yang dijual di pasar raya kerana Taufan Katrina, keadaan sebaliknya pula berlaku di Jepun.

Apa yang dapat dilihat di Jepun sejurus selepas kebocoran loji nuklear Fukushima, rakyat Jepun dengan penuh sabar dan tenang memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa untuk menyelamatkan diri. Lebih signifikan, mereka juga beratur beramai-

ramai di hadapan pasar raya untuk mendapatkan bahan makanan. Tidak kelihatan langsung mereka menjarah barangan mahupun berebut-rebut mendapatkan makanan.

Kesantunan rakyat Jepun sekali lagi terserlah, kali ini di Piala Dunia 2014 di Brazil. Tempoh hari, selepas berakhirnya perlawanan pertama Jepun melawan Ivory Coast, sekumpulan penyokong Jepun bertindak membersihkan kawasan sekeliling tempat duduk dengan mengutip sampah-sarap yang bertaburan.

Berita berkenaan kemudiannya menjadi viral di media sosial dan turut mendapat pujian daripada pengguna media sosial. Hakikat mereka begitu prihatin dan 'conscious' terhadap kebersihan di kawasan sekeliling biarpun bukan di tanah air sendiri menunjukkan rakyat Jepun sememangnya sebuah masyarakat yang bersih dan sentiasa mengutamakan kesempurnaan.

Melihat kepada kesantunan rakyat Jepun, bagaimana pula dengan rakyat Malaysia? Apakah mereka juga prihatin seperti yang ditunjukkan oleh rakyat Jepun? Pada dasarnya, tahap kematangan dan kesedaran rakyat Malaysia masih belum mencapai ke tahap sejauh itu. Malangnya, hari demi hari semakin banyak kes yang mana rakyat kita melanggar peraturan sedia ada.

Ya, kita mungkin boleh berbangga dengan infrastruktur bertaraf dunia yang ada di negara kita tetapi mentaliti rakyat kita nampaknya masih berada di takuk lama. Antaranya, membuang sampah di tempat-tempat awam, meludah di kawasan larangan, tidak berhenti apabila lampu isyarat menandakan warna merah dan kelakuan pemandu di atas jalan raya.

Rakyat kita seolah-olah tidak merasakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu serius. Antara sebab yang diberikan ialah ia turut dilakukan oleh orang lain dan menjadi ikutan ramai. Bagi mereka, ia sesuatu yang dibenarkan dan tidak perlu terlalu terkejut dengan situasi tersebut. Inilah masalah atau penyakit terbesar dalam kalangan rakyat Malaysia dewasa ini.

Hakikatnya, tolak-ansur terhadap perkara-perkara kecil ini tidak harus dibenarkan. Kesalahan tetap satu kesalahan dan jika tolak-ansur sebegini dibenarkan, maka ia dikhuatiri akan melahirkan sebuah masyarakat yang tidak takut akan undang-undang yang ditetapkan.

Dalam konteks ini, soal siapa yang bersalah tidak berbangkit tetapi apa yang ingin dicetuskan menerusi kesedaran ini ialah sebuah masyarakat yang berintegriti dan berdisiplin. Sebuah masyarakat yang berintegriti dan berdisiplin sesungguhnya akan sentiasa dihormati oleh semua. Ingatlah integriti dan disiplin mencerminkan keperibadian seseorang.

Bukankah pengiktirafan itu yang dimahukan oleh rakyat Malaysia? Sampai bila rakyat Malaysia mahu terperangkap dalam mentaliti kelas tiga ini? Apakah anda semua mahu melihat Malaysia terus menjadi bahan gurauan di persada antarabangsa?

Inilah masanya untuk membetulkan keadaan! Apa yang anda tunggu lagi? Bertindaklah dari sekarang sebelum terlambat.

*** Pandangan di atas hanyalah pandangan peribadi penulis dan tidak mewakili pandangan The Malay Mail Online.**

© Copyright © 2014 The Malay Mail Online

Sources: <http://www.themalaymailonline.com/opinion/bartholomew-chan/article/mahu-maju-ke-hadapan-ketepikanlah-mentaliti-kelas-tiga>